

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,MALAYSIA

PERBICARAAN JENAYAH NO.: 45A-127-11/2018 DAN 45A-128-11/2018

ANTARA

PENDAKWARAYA

LAWAN

1. PARAMESWARAN A/L ALAGU @ ALAGAN

2. MURUGAN A/L ARUMUGAM

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

Kedua-dua Tertuduh di dalam kes ini didakwa pada tarikh 27.11.2018 melakukan kesalahan memperedarkan dadah berbahaya di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama. Terdapat dua kes didaftarkan.

Pertuduhan terhadap Tertuduh-Tertuduh di bawah kes 45A-127-11/2018 (Ekshibit P4) berbunyi :

" Bahawa kamu dengan niat bersama pada 19.12.2017 jam lebih kurang 4:30 petang di dalam rumah No. 2, Jalan Gelang 3, Bandar Puteri, di dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah ada di dalam kawalan kamu dadah berbahaya iaitu "Methamphetamine" berat bersih 2,781.6 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan."

Manakala di dalam kes 45A-128-11/2018, Tertuduh A. Parameswaran A/L Alagu @ Alagan menghadapi dua Pertuduhan (Ekshibit P5).

PERTUDUHAN PERTAMA

" Bahawa kamu pada 19/12/2017 jam lebih kurang 7.30 malam di dalam rumah No. 7, Lorong Sulam 2, Taman Maznah, dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor, telah ada dalam kawalan kamu dadah berbahaya iaitu "Methamphetamine" berat bersih 1,145.81 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen

39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama."

PERTUDUHAN KEDUA

" Bahawa kamu pada 19/12/2017 jam lebih kurang 7.30 malam di dalam rumah No. 7, Lorong Sulam 2, Taman Maznah, dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah ada dalam kawalan kamu dadah berbahaya iaitu "Methamphetamine" berat bersih 270 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama."

Disepanjang kes ini berlangsung, pihak Pendakwaan telah mengemukakan seramai 18 orang saksi di samping pengemukaan sebanyak 116 jenis ekhibit. Kedua-dua kes tersebut telah diizinkan untuk dibicarakan bersama.

Di akhir kes Pendakwaan iaitu pada 19 Disember, 2019, Mahkamah memutuskan untuk melepas dan membebaskan kedua-dua Tertuduh daripada kesemua Pertuduhan setelah mendapati pihak Pendakwaan gagal membuktikan wujudnya suatu kes yang 'prima facie' terhadap kedua-

gagal membuktikan wujudnya suatu kes yang 'prima facie' terhadap kedua-dua Tertuduh.

BEBAN PEMBUKTIAN

Di akhir setiap kes Pendakwaan, Mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya suatu kes yang "*prima facie*" terhadap Tertuduh-Tertuduh bagi pertuduhan tersebut. Apakah yang dikatakan "*prima facie*"?

Mahkamah Rayuan di dalam kes Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 1 CLJ 734 telah menggariskan beberapa prinsip sebagai panduan kepada Hakim Bicara mengenai beban pembuktian "*prima facie*" di akhir kes Pendakwaan. Hakim Bicara dikehendaki meneliti akan keterangan saksi-saksi Pihak Pendakwaan ke tahap "*maximum evaluation*", di mana bagi "*maximum evaluation*" kredibiliti saksi-saksi Pendakwaan mesti dilakukan secukupnya bagi membolehkan Mahkamah memutuskan sama ada kes "*prima facie*" berjaya dibuktikan sebelum seseorang Tertuduh itu diperintahkan untuk dipanggil membela diri. Keduanya, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa pihak Pendakwaan tidak perlu membuktikan kesnya melampui tahap keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) di tahap "*intermediate*" ini.

Di dalam kes Balachandaran v Public Prosecutor [2005] 2 MLJ

301, Hakim Augustine Paul (HMR) menggariskan sebagai berikut tanggungjawab seorang Hakim Bicara di akhir kes pihak Pendakwaan: "*to undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established.*".

Oleh yang demikian, seperti mana prinsip yang ditekankan oleh Mahkamah Rayuan melalui kes Looi Kow Chai & Anor v PP (supra) tersebut, beban atau tahap pembuktian oleh pihak Pendakwaan hendaklah dipertimbangkan dengan menggunakan prinsip "*maximum evaluation*" seperti yang diperjelaskan di awal tadi. Persoalannya kini, adakah pihak Pendakwaan telah berjaya melaksanakan tugas mereka sepenuhnya di dalam membuktikan wujudnya suatu kes yang "*prima facie*" di akhir kes Pendakwaan bagi membolehkan pembelaan dipanggil terhadap Tertuduh-Tertuduh. Atau adakah pihak Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan di tahap ini bagi mengenepikan tuduhan itu terhadap mereka. Bagi membuktikan wujud "*prima facie*" kes bagi pertuduhan itu, pihak Pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen yang mana Tertuduh-Tertuduh dipertuduhkan.

ELEMEN PERTUDUHAN DAN ISU

Di antara elemen-elemen yang perlu dibuktikan terhadap Tertuduh-Tertuduh seperimana Pertuduhan-Pertuduhan adalah :

- i. Dadah yang dirampas dari rumah pertama dan rumah kedua itu bertujuan untuk diedarkan.
- ii. Dadah tersebut ialah dadah berbahaya seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan beratnya seperti yang dinyatakan di dalam Pertuduhan-Pertuduhan.
- iii. Dadah yang dirampas itu berada di dalam milikan Tertuduh-Tertuduh.
- iv. Tertuduh Pertama dan Kedua mempunyai niat bersama untuk mengedar dadah berbahaya yang dijumpai dirumah pertama dan rumah kedua.

Isu-Isu yang dibangkitkan oleh Tertuduh Pertama di dalam kes 45A-127-11/2018 dan sebagai Tertuduh di dalam kes 45A-128-11/2018

- A) Percanggahan yang ketara di antara saksi-saksi Pendakwaan.
- B) Fakta bahawa Pegawai Penyiasat rumah pertama (SP14) meminta jiran rumah pertama (SP7) untuk memuat turun rakaman CCTV sehingga 19.12.2017, jam 5.00 petang sahaja dan fakta bahawa SP14 meminta Juruanalisa CCTV (SP17) untuk membuat analisa berdasarkan imej yang diekstrak oleh SP14 sendiri sahaja walaupun terdapat rakaman CCTV rumah pertama yang penuh telah menimbulkan kelompong di dalam kes Pendakwaan.
- C) Tertuduh Pertama tidak mempunyai jagaan atau kawalan eksklusif terhadap dadah yang dijumpai di dalam rumah pertama dan rumah kedua.
 - i) Identiti penghuni rumah pertama dan rumah kedua yang sebenar adalah dipersoalkan ("questionable") dan tidak dapat dikenalpasti.
 - ii) Ketiadaan bukti untuk menunjukkan Tertuduh Pertama menghuni/terlibat di dalam akitiviti pengedaran dadah di rumah pertama dan rumah kedua.

- D) Tertuduh Pertama tidak mempunyai pengetahuan mengenai kehadiran dadah yang dijumpai di dalam rumah pertama dan rumah kedua.
- E) Siasatan pihak polis yang sambil lewa dan tidak lengkap.
- F) Isu-isu teknikal yang menyebabkan rantaian dalam kes Pendakwaan terputus.
- G) Ketladaan bukti untuk membuktikan wujudnya niat bersama Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua untuk mengedar dadah.
- H) Anggapan pengedaran di bawah Seksyen 37(da) ADB 1952 tidak terpakai.

Isu-Isu dari Tertuduh Kedua – di dalam kes 45A-127-11/2018

- a) Tertuduh kedua tidak mempunyai jagaan dan kawalan terhadap dadah yang ditemui di dalam kes ini.
- b) Tertuduh kedua tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut.
- c) Tertuduh kedua tidak melakukan sebarang perbuatan pengedaran dadah.

- d) Tiada niat bersama untuk melakukan kesalahan mengedarkan dadah antara Tertuduh Pertama, Tertuduh Kedua dan seorang lagi yang masih bebas.

KES PENDAKWAAN

Bagi kes 45A-127-11/2018

Pada 19.12.2017, jam lebih kurang 4.00 petang, pengadu iaitu Inspektor Wikkram a/l Sandra (SP5) yang mengetuai sepasukan anggota polis telah membuat pemerhatian di alamat No. 2, Jalan Gelang 3, Bandar Puteri, 41200 Klang, Selangor. Pada jam lebih kurang 4.30 petang, pengadu telah nampak kedua-dua Tertuduh datang ke alamat tersebut dan berdiri di hadapan pintu pagar rumah. Pada masa yang sama Tertuduh Pertama telah membuka pintu pagar rumah tersebut. Pengadu kemudiannya telah menahan kedua-dua Tertuduh diperkarangan rumah tersebut.

Setelah memperkenalkan diri sebagai polis dengan menunjukkan kad kuasa polis, pengadu telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas Tertuduh Pertama dan telah merampas (1) rangkai anak kunci dari genggaman tangan kanan Tertuduh Pertama. Turut dirampas (2) rangkai

anak kunci dari dalam poket seluar hadapan sebelah kanan yang dipakai oleh Tertuduh Pertama. Manakala pemeriksaan badan ke atas Tertuduh Kedua tiada menjumpai apa-apa barang salah.

Pengadu bersama dengan anggota serbuan telah membawa kedua-dua Tertuduh masuk ke dalam rumah dan dengan disaksikan oleh kedua-dua Tertuduh telah membuat pemeriksaan di bahagian bawah rumah tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah.

Seterusnya pemeriksaan di tingkat atas rumah tersebut laju di dalam bilik pertama sebelah kanan, pengadu telah menjumpai beberapa bekas plastik lutsinar yang di dalamnya mengandungi bahan Kristal disyakki dadah Jenis Syabu di atas lantai. Turut ditemui adalah (1) alat penimbang digital tertulis ' Electronic scale' dan (2) penyodok plastik warna merah dan biru.

Kedua-dua Tertuduh telah ditangkap dan barang kes telah dirampas untuk tindakan selanjutnya.

Pegawai Penyiasat Inspektor Juliana binti Shamsuddin (SP14) kemudiannya telah merampas beberapa barang peribadi yang dijumpai di ruang tamu, di dalam tandas dan di dalam bilik tidur utama rumah tersebut.

Barang kes yang disyakki dadah itu telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan hasil analisa oleh Puan Wan Rahimah binti Wan Ahmad (SP1) mengesahkan ia adalah dadah-dadah berbahaya jenis "Methamphetamine" seberat 2,781.6 gram.

Seorang lagi Ahli Kimia yang menjalankan ujian DNA Profiling mengesahkan bahawa terdapat DNA Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua pada barang peribadi iaitu tuala dan berus gigi yang dirampas di rumah tersebut.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehi dan berdasarkan kepada perlakuan Tertuduh-Tertuduh semasa diserbu serta berdasarkan kepada keadaan sekeliling dan juga rampasan barang-barang kes lain semasa serbuan dijalankan, kedua-dua Tertuduh telah ditangkap.

Bagi kes 45A-128-11/2018

Bersangkutan dengan tangkapan bagi kes di atas, sepasukan pegawai dan anggota polis yang diketuai oleh pengadu iaitu Inspektor Gopi a/l Krishnan (SP18) dengan dipandu arah oleh Tertuduh Pertama kemudiannya telah ke alamat No. 7 Lorong Sulam 2, Taman Maznah, 41000 Klang, Selangor.

Dengan menggunakan (2) rangkai kunci yang dirampas daripada Tertuduh Pertama sebelum ini, pengadu telah membuka pintu pagar utama dan pintu grill rumah tersebut.

Pengadu bersama-sama dengan anggota serbuan dan Tertuduh Pertama telah masuk ke dalam rumah dan telah buat pemeriksaan. Hasil pemeriksaan telah menjumpai bekas-bekas plastik di dalamnya berisi cecair-cecair jernih, cecair berwarna merah, cecair berwarna perang dan bikar kaca yang di dalamnya terdapat bahan Kristal perang di atas lantai di dalam bilik pertama sebelah kiri tingkat atas rumah tersebut.

Pengadu bersama anggota serbuan telah membuat pemeriksaan lanjut dan menjumpai balang-balang kaca jenama Iwaki, Pyrex dan Schott Duran di atas lantai di dalam bilik ketiga sebelah kanan tingkat atas rumah tersebut. Turut ditemui adalah (4) botol kaca berisi bahan kimia Iodine dan (2) unit magnetis Stirrers Jenama Ika.

Tertuduh Pertama telah ditangkap dan barang kes telah dirampas untuk tindakan selanjutnya.

Barang kes yang disyakki dadah itu telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan hasil analisa oleh Puan Wan Rahimah binti Wan Ahmad (SP1) mengesahkan cecair-cecair tersebut adalah dadah berbahaya jenis

'Methamphetamine' berat bersih 1,146.82 gram dan bahan Kristal perang adalah dadah berbahaya jenis 'Methamphetamine' berat bersih 270 gram.

ELEMEN-ELEMEN PERTUDUHAN

Di antara elemen yang perlu dibuktikan terhadap Tertuduh-Tertuduh seperimana pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

- (i) **Dadah yang dirampas ialah dadah berbahaya seperti yang didefinisikan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. (ADB)**

Bagi elemen ini, tidak dipertikaikan lagi bahawa dadah tersebut ialah dadah berbahaya. Ahli Kimia (SP1) yang membuat pemeriksaan dan analisis ke atas dadah tersebut mengesahkan ia ialah dadah daripada jenis Methamphetamine dengan berat bersih 2,781.6 gram, 1145.81 gram dan 270 gram. Methamphetamine ialah dadah seperti yang ditakrifkan di dalam Jadual Pertama ADB 1952.

Laporan Kimia yang disediakan oleh SP1 ini telah ditandakan sebagai ekhibit P10. Kredibiliti SP1 dan pemeriksaan saintifik beliau tidak tercabar dan oleh itu, Mahkamah ini menerima keterangan dan dapatan SP1 sebagai seorang pakar yang menjalankan pemeriksaan

dan mengesahkan ia ialah dadah daripada jenis Methamphetamine. Dadah tersebut ialah dadah berbahaya seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, ADB 1952.

(ii) Dadah yang dirampas itu bertujuan sebagai pengedaran.

Bagi membuktikan elemen Tertuduh-Tertuduh mengedar kesemua dadah jenis Methamphetamine tersebut, pihak Pendakwaan boleh membuktikan pengedaran secara langsung dengan menampilkkan keterangan yang Tertuduh-Tertuduh telah melakukan mana-mana perbuatan pengedaran seperti yang didefinisikan di bawah seksyen 2 ADB ataupun Pendakwaan boleh membuktikan elemen ini dengan menunjukkan Tertuduh-Tertuduh mempunyai pemilikan ke atas dadah-dadah tersebut dan kemudiannya menggunakan anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da) ADB. Terdapat banyak nas perundangan di dalam perkara ini. Perlu dicermati bahawa "*rule against double presumption*" seperti yang diputuskan di dalam kes Muhammed bin Hassan Iawani PR [1998] 2 CLJ 170 tidak lagi terpakai.

- (iii) Dadah yang dirampas itu berada dalam milikan Tertuduh-Tertuduh.

Yang menjadi isu ialah elemen ini. Perlu dibuktikan sama ada Tertuduh-Tertuduh mempunyai milikan terhadap dadah tersebut. Ia merangkumi kesemua dadah yang ditemui, seperti yang dinyatakan di dalam Pertuduhan-Pertuduhan.

Undang-undang menetapkan bahawa elemen "milikan" ialah elemen yang terpenting di dalam Pertuduhan mengedar dan juga memiliki dadah. Melainkan terdapat keterangan secara langsung tentang perbuatan mengedar dan memiliki, pihak Pendakwaan perlu membuktikan elemen tersebut sebelum anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da) Akta boleh diinvok.

ELEMEN NIAT BERSAMA TERTUDUH PERTAMA DAN TERTUDUH KEDUA : (KES 45A-127-11/2018)

Tertuduh-Tertuduh di dalam kes 45A-127-11/2018 dituduh melakukan kesalahan tersebut secara niat bersama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Niat bersama adalah penting bagi membuktikan kesalahan yang melibatkan seksyen 34 Kanun Keseksaan. Terdapat banyak nas undang-undang di dalam kes ini. Di dalam kes Namasiyam & Ors v Public Prosecutor [1987] 2 MLJ 336 telah diputuskan seperti berikut:

"In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused."

Walaupun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan melalui kes Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 2 MLJ 336 bahawa keterangan langsung tentang “prior plan” untuk melakukan kesalahan ini tidak perlu wujud di dalam sesuatu kes, namun di dalam kes ini tiada keterangan ditampilkan bagi menunjukkan kedua-dua Tertuduh ini berkongsi niat secara bersama untuk melakukan kesalahan sepetimana Pertuduhan.

Mengenai Seksyen 34 Kanun Keseksaan ini, Mahkamah Persekutuan di dalam kes Krishna Rao Gurumurthi v. PP & Anor [2009] 2 CLJ 626 menyatakan :

" [60] It is settled law that s. 34 is a rule of evidence and does not create a substantive offence. Simply put it is a statutory recognition to the common sense principle that if more than two persons intentionally do a thing jointly it is just the same as if each of them had done it individually. It is an embodiment of the concept of joint liability in doing the criminal act based on common intention. Hence, an accused person is made responsible for the ultimate criminal act done by several persons in furtherance of the common intention of all irrespective the role he played in the perpetration of the offence. The section does not envisage the

separate act by all the accused persons for becoming responsible for the ultimate criminal act."

Perbuatan niat bersama adalah suatu persoalan fakta berdasarkan kepada kedudukan sesuatu kes itu. Inferens perlulah digantungkan kepada tindakan atau perlakuan seorang Tertuduh itu, serta partisipasinya.

Mahkamah Persekutuan di dalam kes Krishna Rao Gurumurthi (Supra) selanjutnya mengatakan :

" For a charge premised on common intention to succeed, it is essential for the Prosecution to establish by evidence, direct or circumstantial, that there was a plan or meeting of mind of all the accused persons to commit the offence for which they are charged with the aid of Section 34 notwithstanding that it was pre-arranged or on the spur of the moment provided that it must necessarily be before the commission of the offence."

Di dalam kes ini, tiada keterangan ditampilkan bagi menunjukkan bahawa terdapatnya pertemuan, perbincangan serta perancangan diatur sesama Tertuduh bagi melaksanakan perbuatan tersebut. Keterangan yang ditampilkan disepanjang perbicaraan berlangsung tidak membuktikan akan kewujudan sebarang "a pre-arranged plan to commit such crime".

KEPUTUSAN

Setelah meneliti dan menimbangkan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi Pendakwaan seramai 18 orang kesemuanya di sepanjang perbicaraan kes ini berlangsung, serta mengambil kira penghujahan yang telah disampaikan, meneliti kepada keterangan-keterangan dokumentasi yang dibentangkan, meneliti kepada kesemua 116 ekhibit, menilai kepada keseluruhan keterangan saksi-saksi dan menimbangkan kepada Penghujahan Bertulis yang telah difaikkan, serta selepas mengaplikasikan prinsip "*maximum evaluation*" terhadap keterangan saksi-saksi serta bahan bukti, maka di tahap akhir kes Pendakwaan ini, saya memutuskan bahawa pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan wujudnya suatu kes yang "*prima facie*" terhadap kedua-dua Tertuduh ini. Kedua-dua Tertuduh dengan ini dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua Pertuduhan ini.

Kesemua ekhibit berharga yang telah dikemukakan di sepanjang perbicaraan berlangsung, dikembalikan semula kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk diambil tindakan selanjutnya selepas tamat tempoh rayuan.

Asas-Asas Keputusan dicapai:

- (i) Suatu kes yang '*prima facie*' telah gagal dibuktikan terhadap kedua-dua Tertuduh di dalam kes 45A-127-11/2018 (ekhibit P4) dan terhadap Tertuduh di dalam kes 45A-128-11/2018 (ekhibit P5).
- (ii) Elemen kesalahan,khususnya elemen milikan dan kawalan eksklusif dadah oleh Tertuduh-Tertuduh di dalam rumah Pertama dan oleh Tertuduh di dalam rumah kedua telah gagal dibuktikan dengan jayanya oleh pihak Pendakwaan. Di dalam menentukan soal ini, identiti sebenar penghuni rumah pertama dan rumah kedua perlu ditentukan secara khususnya.

Rumah pertama disewa oleh Kalaimagal A/P Aramugam (SP6), yang telah menyewa rumah di atas permintaan Saroja. SP6 tidak pasti mengapa Saroja tidak menyewanya sendiri. Rumah kedua pula telah disewa oleh SP12 yang kemudian telah memberi sewa kepada Saroja yang menyatakan ingin tinggal dirumah kedua dengan ahli keluarganya.

Jelas, kedua-dua rumah tersebut disewa oleh Saroja. Tetapi Saroja telah meninggal dunia 7 hari sebelum kejadian. Suami

Saroja, keteterangannya adalah penting. Persoalan timbul siapakah nama suami Saroja. Adakah Ramesh atau Vadivalan A/L Alakan (ikut Family Tree) merujuk kepada orang yang sama. Jelas, penghuni sebenar dikedua-dua rumah tersebut tidak dapat ditentukan.

Di dalam aspek yang lain :- Laporan DNA rumah kedua (P76) – kebanyakannya 8 puntung rokok yang dijumpai dari dalam rumah kedua adalah milik DNA 1 Lelaki yang lain. Siapakah Lelaki lain dirumah kedua ini. Adakah ia Ramesh atau Vadivalan? Kalau benar Vadivalan sedang ditahan di Penjara Sungai Buloh ketika itu, mengapa Pegawai Penyiasat (SP14) tidak pergi merakam percakapan Vadivalan?

Jelas, kegagalan tersebut telah tinggalkan ‘Gap’ di dalam kes Pendakwaan.

Lantas, Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950, terpakai.

Di rumah Pertama – tiada barang peribadi Tertuduh Pertama dijumpai.

Tiada juga barang milik Tertuduh Pertama dirampas dari Rumah kedua untuk tujuan DNA.

Pegawai Penyiasat tidak siasat dimana Tertuduh Pertama dan keluarganya tinggal.

Jiran rumah pertama, SP7 dan SP8 – jarang berada dirumah. Jadi, mereka tidak tahu siapa yang berada dirumah pada siang hari.

SP7 jiran – sahkan tidak pernah lihat Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dirumah pertama sebelum itu.

- (iii) Elemen Pengetahuan oleh Tertuduh Pertama dan Kedua terhadap dadah di dalam rumah Pertama dan oleh Tertuduh di dalam rumah kedua, juga telah gagal dibuktikan dengan sepenuhnya. Di dalam isu pengetahuan ini, ia boleh dibuktikan samada melalui keterangan secara langsung atau melalui keterangan sokongan. Melalui keterangan saksi-saksi, tiada keterangan ditampilkan bagi menunjukkan Tertuduh-Tertuduh mempunyai pengetahuan tentang kewujudan dadah di dalam kedua-dua rumah pertama dan kedua.
- (iv) Terdapat kelompangan (*Gap*) di dalam kes Pendakwaan dan kelompangan ini tidak berjaya ditutup sehingga ke akhir kes Pendakwaan. Rakaman CCTV telah dipilih oleh Pegawai

Penyiasat (SP14) sendiri – mengikut pilihannya. SP7, jiran rumah pertama mengesahkan bahawa beliau telah memberikan suatu pen drive (P111A(1)) yang mengandungi rakaman CCTV yang menampakan rumah pertama dari tarikh 14.12.2017 – 19.12.2017 jam 5.00 petang. Rakaman dipilih oleh SP14 untuk tarikh 17.12.2017 hingga 19.12.2017 sahaja yang telah disalinkan ke dalam CD dan diberikan kepada SP17 untuk analisa. SP17 hanya ‘enhance’ imej. SP17 tidak meneliti rakaman CCTV dengan sepenuhnya. SP7 mengesahkan terdapat banyak individu lain boleh dilihat di dalam rakaman CCTV dari tarikh 14.12.2017 hingga 19.12.2017. SP17 hanya tumpukan kepada tarikh dan masa yang tertera pada 30 imej yang diberikan oleh SP14 sahaja. Terdapat rakaman 6 hari di dalam *pen-drive* CCTV oleh SP7. Tidak dinafikan banyak perkara telah berlaku dalam tempoh 6 hari tersebut. Rakaman CCTV juga tidak dihantar ke bahagian lain untuk dibuat padahan muka. Fakta bahawa SP14 meminta SP7 untuk memuat turun rakaman CCTV sehingga 19.12.2017, jam 5.00 petang sahaja dan SP14 meminta Juruanalisa CCTV (SP17) untuk membuat analisa berdasarkan imej yang diekstrak oleh SP14 sendiri sahaja, walaupun terdapat rakaman CCTV rumah

pertama yang penuh dan lengkap, telah menyebabkan satu jurang yang material (*Gap*) di dalam kes pihak Pendakwaan. Kegagalan SP14 untuk menyalin rakaman CCTV yang lengkap ke dalam CD dan kegagalannya untuk meminta SP17 menganalisa ekstrak dan padanan kesemua wajah dan pergerakan yang timbul, telah juga meninggalkan kelompongan di dalam kes Pendakwaan.

- (v) Terdapat percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi penting pihak Pendakwaan. Malah apabila diteliti secara terperinci, terdapat dua set keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi Pendakwaan, jika diteliti keterangan oleh SP5,SP13,SP14, SP15, SP16 dan SP18. Jika diteliti keterangan sesama mereka, bukan sahaja terdapat percanggahan keterangan sesama mereka, contohnya semasa pasukan serbuan, malahan terdapat keterangan yang jelas bercanggah dengan keterangan dokumentasi yang dikemukakan sewaktu perbicaraan.

Lain-lain percanggahan :

- a) Mengenai tarikh-tarikh terima maklumat.

- b) Fakta penggunaan motorsikal oleh SP16 yang tidak dinyatakan oleh SP5, di dalam keterangannya.
- c) Tugas rondaan dan pemantauan selama 2 minggu oleh SP16 yang tidak dinyatakan oleh SP5 di dalam keterangannya.
- d) Terhadap tempat sebenar kunci rumah kedua dijumpai –
Keterangan SP5 menyebut :
 - Di poket seluar hadapan kanan Tertuduh Pertama.
 - Fakta itu *tally* dengan Laporan polis P78
 - Namun Sejarai bongkar (P79) – menyatakan kunci dijumpai dipoket seluar hadapan kanan Tertuduh Kedua.
 - Ia jelas bercanggah. Adakah dijumpai dari Tertuduh Pertama atau dari Tertuduh Kedua?.

Percanggahan keterangan SP5 dengan isi kandungan Borang Bongkar (P79) sangat material. Ini telah menimbulkan keraguan sebenar. Dari siapakah kunci dijumpai sebenarnya – Adakah dari Tertuduh Pertama atau Kedua?

- e) Samada Tertuduh Kedua ada dibawa ke rumah kedua. SP5 dan SP18 mengesahkan ianya ada. Namun keterangan SP13 – Pegawai Forensik menyatakan beliau tidak nampak lain suspek dibawa ke rumah kedua. Ia selari dengan isi

kandungan ekshibit P90 dan D83. Keterangan yang ditampilkan jelas bercanggah.

- f) Samada SP5 terlibat dalam pemeriksaan dirumah kedua. SP5 menyatakan dia hadir dikaki lima dan tidak masuk ke dalam rumah kedua kerana pegawai forensik sedang membuat tugas. Fakta ini pula jelas bertentangan dengan ekshibit P90 dan P91.
- (vi) Terdapatnya akses oleh lain-lain orang terhadap rumah-rumah tempat kejadian. Fakta ini tidak boleh dikesampingkan.
- (vii) Elemen niat bersama oleh kedua-dua Tertuduh di dalam kes 45A-127-11/2018 gagal dibuktikan.
Kehadiran bersama Tertuduh Pertama dan Kedua di rumah pertama, tidak mencerminkan niat bersama. Tiada keterangan ditampilkan bagi menunjukkan penglibatan mereka secara niat bersama. Sekadar hadir tanpa perbuatan yang aktif, sukar untuk dibuktikan niat bersama. Tiada juga bukti perancangan untuk mengedar dadah.
- (viii) Penyiasatan yang tidak lengkap, tidak menyeluruh serta tidak terperinci oleh Pegawai Penyiasat Kes. (SP14 dan SP15)

Terdapat dua Pegawai Penyiasat Kes di dalam kes ini – SP14 untuk rumah yang pertama dan SP15 untuk rumah yang kedua. Namun kebanyakannya tugasan siasatan dijalankan oleh SP14 untuk dikedua-dua rumah. Ini terbukti melalui ekhibit-ekhibit yang ditender seperti P9,P11, P12,P72, P74 dan P96. Keadaan begini tidak sewajarnya berlaku. Kebanyakannya siasatan di rumah kedua tidak dilakukan oleh SP15. Ia dilakukan juga oleh SP14.

Di pihak SP14 pula – beliau akui yang beliau tidak berapa puashati terhadap siasatan yang telah dilakukan olehnya.

Di antara kelemahan penyiasatan kes ini adalah :

- a) SP14 telah meminta dari SP7 untuk rakaman CCTV sehingga tarikh 19.12.2017 jam 5.00 petang sahaja, walaupun serbuan dan tangkapan dilakukan selepas itu. Tiada rakaman dilakukan untuk tempoh selepas jam 5.00 petang.

- b) Tindakan SP14 yang memilih 30 keping imej sahaja untuk analisis oleh SP17.
- c) Gagal arahkan SP17 untuk hantar rakaman CCTV ke bahagian lain untuk padanan wajah.
- d) Gagal menyiasat tempat perjumpaan kunci rumah kedua walaupun terdapat percanggahan di dalam ekshibit P79 dan P78. Juga gagal disiasat D83 khususnya dari aspek kunci yang dikatakan oleh Tertuduh Pertama dijumpai di atas rak yang sepatutnya meletakkan TV.
- e) Gagal merakam percakapan suami Saroja. Ini sangat 'vital' di dalam situasi Saroja telah meninggal dunia, bagi menentukan status kedua-dua rumah dan penghuninya serta tujuan sebenar penyewaan kedua-dua rumah tersebut.
- f) Ketinggalan oleh SP14 untuk mengambil lain-lain barang dirumah pertama seperti yang terdapat di dalam gambar P66(7 dan 8) untuk tujuan DNA.
- g) Gagal memanggil Pegawai Forensik untuk melakukan siasatan di rumah pertama.
- h) Kegagalan untuk mengemukakan ke Mahkamah kad lifting yang mengandungi 9 cap jari yang dikesan dirumah kedua.

SP14 dan SP5 sahkan Laporan Semakan Cap Jarí ada, tetapi tidak tahu dimanakah kad lifting dan Laporan itu berada. Apakah hasil laporan tersebut? Kad dan Laporan tidak dikemukakan sebagai bahan bukti. Lantas, Seksyen 114 (g) Akta Keterangan 1950, terpakai disini.


- i) Keraguan terhadap siasatan oleh SP15, Apakah yang disiasat olehnya sebenarnya? Kebanyakkan tugasan penyiasatan dijalankan oleh SP14.
- j) Kedudukan sewaan rumah kedua. SP12 menyatakan telah menyerahkan *Tenancy Agreement* di antara SP12 dan Saroja kepada SP14 – Namun dimanakah *Tenancy Agreement* tersebut?. Ia tidak dikemukakan. Ia penting bagi menunjukkan kedudukan sewaan, disamping bagi penentuan status penghuni rumah kedua.

(ix) Terputusnya rantai keterangan barang kes dan keraguan terhadap identiti barang kes dadah.

Terdapat perbezaan berat kasar dan berat bersih yang ketara bagi ekhibit J1 dan J2 (berdasarkan kepada ekhibit P78 (Laporan Polis) dan P15 (Laporan Kimia). Perbezaan berat kasar dan berat bersih bagi J1 dan J2 adalah agak besar, iaitu 1200 gram dan 689.2 gram.

Perbezaan ini perlu dijelaskan dan ia tidak dijelaskan. Ia lantas menimbulkan keraguan terhadap identiti sebenar barang kes yang dikemukakan.

Oleh itu, berdasarkan kepada Sembilan (9) alasan yang dijadikan sebagai asas Keputusan kes ini dicapai, pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan wujudnya suatu kes yang '*prima facie*' terhadap kedua-dua Tertuduh. Kedua-dua Tertuduh dengan ini dilepas dan dibebaskan dari kesemua Pertuduhan di bawah kedua-dua kes.



(YA DATO' INDERA ABD. HALIM BIN AMAN)

HAKIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA
SHAH ALAM

BERTARIKH: 19 DISEMBER 2019